

Negara membangun perlu tingkat persaingan hadapi cabaran

Oleh **MUSTAFA KAMAL BASRI**

KLALA LUMPUR 1 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, negara-negara, membangun harus bersedia menghadapi cabaran dunia tanpa sempadan dengan meningkatkan keupayaan untuk bersaing.

Perdana Menteri berkata, ini penting kerana negara-negara di dunia pada masa ini berdepan dengan cabaran globalisasi dan liberalisasi, yang menjadikan dunia semakin terbuka kepada persaingan.

"Banyak negara membangun termasuk Malaysia kini berusaha membuat peralihan dalam ekonomi masing-masing, tetapi jika mereka tidak berupaya meningkatkan

persaingan, mereka akan menemui kegagalan," katanya dalam teks ucapannya pada Forum Kepimpinan Global di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Dr. Nor Mohamed Yakeop.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, globalisasi merupakan suatu kuasa yang terus bergerak pantas terutama dalam bidang maklumat dan teknologi komunikasi.

Di samping itu, katanya, keberkesanan persaingan hanya boleh berlaku dalam suasana dunia yang terbuka.

"Banyak negara cuba membangunkan industri dan perniagaan tempatan, di tengah-tengah proses dunia tanpa sempadan," katanya.

Abdullah berkata, setiap negara bukan sahaja berdepan dengan cabaran dalaman bagi melakukan peralihan ekonomi tetapi juga menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi yang datang dari luar.

"Sesetengah negara membuat perubahan ekonomi disebabkan kuasa dalaman dan sebahagiannya didorong oleh kuasa-kuasa luaran termasuk peningkatan permintaan ekonomi," katanya.

Abdullah berkata, banyak negara terpaksa melakukan perubahan ekonomi kerana mereka tidak mampu membendung gabungan tekanan daripada kuasa-kuasa berkenaan.

Selain itu, katanya faktor kepimpinan merupakan pendorong utama peralihan

dan perubahan ekonomi sesebuah negara. "Banyak negara membangun termasuk Malaysia kini beralih daripada ekonomi berasaskan perindustrian dan pengeluaran komoditi kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan nilai ditambah," kata beliau.

Katanya, selain faktor kepimpinan, sebuah negara itu mampu menjadi dinamik dari segi ekonomi kerana aspirasi rakyatnya, nilai-nilai penduduknya atau membuat perubahan keutamaan mengikut peradaran masa.

Sehubungan itu, katanya, pemimpin tulen harus mampu melaksanakan tindakan alternatif dan membuat keputusan yang akan membawa kebaikan kepada semua rakyat.